



**PARLIMEN MALAYSIA
KUALA LUMPUR**

KENYATAAN MEDIA

**Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Perhubungan Antarabangsa dan
Perdagangan Antarabangsa Mengenai Rantaian Bekalan Nadir Bumi**

Jawatankuasa Pilihan Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa, Dewan Rakyat pada hari ini, (Rabu, 2 September 2026) telah mengadakan mesyuarat berhubung isu rantaian bekalan nadir bumi dalam konteks perdagangan antarabangsa Malaysia. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YB Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik, Ahli Parlimen Balik Pulau untuk mendapatkan penerangan maklum balas daripada Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI); Kementerian Luar Negeri (KLN); Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES).

Mesyuarat ini turut dihadiri oleh YB Puncak Borneo (Naib Pengerusi JKPK), YB Kampar, YB Ipoh Timor, YB Sri Gading, YB Kubang Pasu, YB Langkawi, YB Machang, YB Bukit Bendera dan turut dihadiri oleh ahli-ahli ex-officio MITI, KLN dan Kementerian Ekonomi. Ahli Jawatankuasa berpuas hati akan penerangan dan penjelasan yang diberikan oleh wakil-wakil kementerian yang berkaitan berhubung isu rantaian bekalan nadir bumi yang menjadi salah satu komponen penting dalam perdagangan antarabangsa Malaysia. Ahli Jawatankuasa juga mengambil maklum akan kerumitan dalam mengawal selia secara keseluruhan bekalan nadir bumi yang digunakan di pasaran global.

Jawatankuasa berpandangan bahawa kepentingan perdagangan antarabangsa ini perlu diteliti dengan lebih mendalam, mengambil kira beberapa aspek tambahan seperti kepentingan keselamatan, pendirian negara serta diplomasi ekonomi agar rantaian bekalan nadir bumi yang lebih utuh dan mampan dapat dimanfaatkan secara optimum. Jawatankuasa juga turut menyarankan kepada kementerian-kementerian yang berkaitan agar memainkan peranan secara lebih aktif dalam menyalurkan maklumat-maklumat berhubung rantaian bekalan nadir bumi ini kepada masyarakat agar pemahaman dan iltizam dasar-dasar kerajaan dapat terus disokong oleh semua lapisan masyarakat.

-TAMAT-